



Factsheet CAT04

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak 4: khidmat bimbingan atau tuisyen peribadi



Malay | Bahasa Melayu

Khidmat bimbingan atau tuisyen peribadi tidak kira bagaimana caranya, tetapi tidak termasuk **urusan tidak rasmi (informal arrangement)** untuk keperluan sendiri atau keluarga.

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang **kanak-kanak (child)**. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- guru memandu yang mengajar kanak-kanak memandu
- orang yang memberi khidmat tuisyen untuk kanak-kanak secara bersendirian atau berkumpulan, tidak kira bagaimana caranya
- guru renang yang mengajar di sekolah renang, atau kelas renang VACSWIM yang diadakan semasa cuti sekolah
- jurulatih sukan untuk kanak-kanak (yang bukan berkenaan kategori 12)
- penyedia kelas yoga, menari, seni, bahasa, budaya, atau muzik untuk kanak-kanak, baik secara bersendirian atau berkumpulan
- pekerja organisasi latihan terdaftar (RTO) yang mengajar kelas terutama untuk kanak-kanak atau mengajar kanak-kanak satu lawan satu dalam program latihan anak itu
- pelajar sekolah menengah dewasa yang menjadi pembimbing kumpulan atau pasukan kanak-kanak dan menjalankan program atau khidmat khas untuk kanak-kanak di luar waktu sekolah
- **sukarelawan (volunteers)** melalui sebuah organisasi, seperti 'Hands Up 4 Kids', yang melakukan aktiviti membaca satu lawan satu dengan kanak-kanak di sekolah.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- sukarelawan remaja yang umurnya kurang 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption](#)
- kelas berkumpulan (dua orang atau lebih) yang bukan disediakan atau diiklankan sebagai kelas khas untuk kanak-kanak
- pegawai polis yang melakukan tugas sebagai anggota WA Police
- acara nasional atau jelajah nasional sekali sahaja, lihat [Factsheet CRW02 – Exemptions, one-off national events and national tours.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au